

NO. SOALAN: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI

TARIKH : 24 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9412

SOALAN:

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak berkuasa telah melaksanakan *Advanced Passenger Screening System (APSS)* di semua pintu masuk/keluar negara bagi menyekat kemasukan anasir ekstremisme dan militan ke dalam negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedang meneliti mekanisme pelaksanaan *Advanced Passenger Screening System (APSS)* bagi menyekat kemasukan anasir ekstremisme dan militan ke dalam negara mengambilkira dasar dan polisi antarabangsa yang berkaitan. APSS merupakan satu sistem saringan (*screening*) awal yang akan digunakan terhadap kesemua pengembara yang akan memasuki sempadan negara Malaysia melalui semua pintu-pintu masuk udara. Melalui pelaksanaan APSS, Malaysia dapat memperluaskan sempadan maya (*virtual border*) dengan keupayaan menghalang individu berisiko masuk ke negara ini dengan lebih awal iaitu di destinasi asal pengembara berisiko tersebut berada. APSS dijangka akan dapat dilaksanakan pada tahun 2017.